

| | | | |
|------------|-----------------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pasar percuma bantu golongan asnaf berbelanja | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 Oct 2017 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 47 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 222 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,787 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,361 |



Pasar percuma bantu golongan asnaf berbelanja

MAHSAN - Buah kelapa, bawang, sayuran, pakaian, kereta bayi antara barangan yang 'dijual' pada Hari Terbuka Kolej Komuniti Jempol dan *Free Market*, di kolej itu semalam.

Tidak sampai dua jam semuanya habis terjual, yang jumlahnya mampu menampung bekalan harian hampir sebulan kepada pengunjung yang kebanyakannya golongan kurang berkemampuan dan asnaf.

Pengarah Kolej, Baharudin Mohd berkata, usaha itu merupakan satu aktiviti kebajikan dan tanggungjawab sosial kolej dalam usaha meringankan beban golongan yang

memerlukan.

"Dalam pada itu kita memperkenalkan kolej ini sebagai salah satu institusi pendidikan yang menawarkan pembelajaran kepada semua peringkat umur.

"Secara tidak langsungia dapat memupuk semangat persaudaraan dan merapatkan hubungan antara warga kolej dengan masyarakat. Seterusnya mereka dapat mengenali peranan dan fungsi kolej komuniti ini," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Baharudin berkata, konsep *free market* yang diketengahkan kali ini adalah bermodalkan senyuman dalam membantu mereka yang

benar-benar memerlukan.

"Hanya menggunakan senyuman dan ucapan terima kasih tanpa sebarang urusan niaga yang melibatkan wang ringgit.

"Usaha ini juga untuk memberi galakan terhadap golongan yang ingin membuat sumbangan kepada masyarakat setempat.

"Antara barangan yang di sumbangan adalah barangan keperluan asas seperti pakaian, barangan dapur, buku, mainan, alat tulis dan lain lain.

"Kita sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti setempat.

"Usaha tersebut sejajar dengan objektif penubuhan kolej ini iaitu menyediakan keperluan latihan, kemahiran dan pendidikan kepada lepasan sekolah menengah sebelum ke pasaran kerja ataupun pendidikan lebih tinggi," katanya.

Sinar Harian difahamkan, antara agensi terlibat, Pejabat Parlimen Jempol, Fama daerah, Maktab Rendah Sains Mara Gemencheh (MRSM), Baitulmal daerah, Warung Zanon's famili, *The Kabara Bundle*, Perbankan sekitar Bahau, Kementerian Dalam Negeri dan individu perseorangan.



Tiada urusan jual beli, hanya senyum dan ucap terima kasih.